



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



# **BERITA**

**24 JAM**

# **KPDN**

## **KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE**

**Untuk makluman:**

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 5 JULAI 2024**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Rampasan diesel turun selepas penyasaran subsidi

**Putrajaya:** Langkah penyasaran subsidi diesel bermula 10 Jun lalu menyaksikan penurunan rampasan minyak diesel sebanyak 87 peratus.

Menyertai Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata trend penurunan itu berdasarkan perbandingan bagi tempoh 20 hari sebelum dan selepas pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

Beliau berkata, hanya 14 kes rampasan diesel membabitkan 68,457 liter direkodkan dalam tempoh 20 hari selepas penyasaran subsidi bahan bakar iaitu bagi tempoh 10 Jun hingga 30 Jun lalu.

"Ini menunjukkan penurunan daripada 45 kes rampasan diesel

sebenyak 530,803 liter bagi tempoh sama (20 hari) iaitu 20 Mei hingga 9 Jun lalu.

"Berdasarkan perbandingan bagi tempoh 20 hari sebelum dan selepas pelaksanaan penyasaran subsidi diesel, jumlah kes membabitkan penyelewengan minyak diesel menunjukkan penurunan signifikan.

"Perbandingan ini menunjukkan bertukarnya penurunan rampasan diesel sebanyak 87 peratus selepas pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

"Jumlah individu yang ditahan bersabit kes diesel juga berkurangan dalam tempoh sama daripada 40 orang kepada seorang sahaja," katanya menerusi kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Armizan berkata, terdapat peningkatan kes rampasan petrol RON95 apabila mencatatkan 46 kes membabitkan 14,011 liter selepas pelaksanaan penyasaran subsidi diesel dilaksanakan.

Katanya, jumlah kes itu meningkat berbanding 37 kes rampasan membabitkan 17,064 liter bagi tempoh 20 Mei hingga 9 Jun lalu.

Jumlah tangkapan pula meningkat daripada 16 kepada 17 orang dalam tempoh sama.

"KPDN akan terus mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan dan pemantauan ke atas aktiviti penyelewengan barang kuaran di bawah OPS TIRIS 3.0 di seluruh negara dengan kerjasama rapat agensi penguatkuasaan lain bagi memastikan isu ketirisan dapat diatasi secara menyeluruh dan berkesan," katanya.



Armizan Mohd Ali



Anggota KPDN Cowangon Dungan memeriksa diesel yang dirampas dalam operasi penyelewengan diesel bersubsidi. (Foto: Iwan KPDN)



# Syarikat kontraktor simpan diesel tanpa permit

**KUALA NERUS:** Tindakan syarikat kontraktor projek hakisan pantai menyimpan diesel tanpa permit membawa padah setelah diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), semalam.

Pengarah KPDN Terengganu, Saharuddin Mohd. Kia berkata, serbuan dilakukan di tapak projek tersebut di Kampung Mengabang Kapal di sini, kira-kira pukul 2.30 petang.

Menurutnya, siasatan awal mendapati syarikat berkenaan menyimpan 25,000 liter bahan api itu tanpa kebenaran di dalam dua buah tangki dianggarkan bernilai keseluruhan RM111,750.

Katanya, seorang lelaki tempatan berusia 25 tahun disyaki penyelia di tapak projek itu turut ditahan bagi membantu siasatan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Bertindak atas risikan sejak seminggu lalu, sepasukan 16 anggota penguatkuasa KPDN dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyerbu sebuah tapak projek hakisan pantai di Kam-



**SALAH** sebuah tangki yang menyimpan diesel tanpa permit di Kampung Mengabang Kapal, Kuala Nerus, semalam. - UTUSAN/TENGGU DANISH BAHRI TENGGU YUSOFF

pung Mengabang Kapal.

"Pemeriksaan mendapati syarikat kontraktor gagal mengemukakan sebarang permit atau surat kebenaran daripada Pengawal Bekalan untuk menyimpan minyak diesel di lokasi kejadian," katanya ketika

dihubungi semalam.

Saharuddin menambah, kertas siasatan telah dibuka terhadap kontraktor itu yang boleh didenda maksimum RM2 juta bagi kesalahan pertama dan maksimum RM5 juta bagi kesalahan berikutnya, jika sabit kesalahan.

## Suami isteri mengaku tidak bersalah simpan 15,000 liter diesel

**KOTA BHARU:** Pasangan suami isteri mengaku tidak bersalah atas tiga pertuduhan menyimpan lebih 15,000 liter minyak diesel bernilai lebih RM34,000 tanpa lesen, kira-kira dua tahun lalu.

Tan Kim Soon, 35, dan isterinya, Koh Sze Yuen, 34, membuat pengakuan itu di Mahkamah Sesiyen di sini semalam selepas pertuduhan terhadap mereka dibacakan di hadapan Hakim Zulkifli Abillah.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua tertuduh selaku orang kena saman (OKS) yang merupakan pengarah syarikat Heng Seng & Company Sdn. Bhd. didakwa memiliki minyak diesel berjumlah 15,979 liter dalam keadaan menimbulkan syak munasabah.

Perbuatan itu melanggar Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu berurusan dengan minyak diesel secara runcit atau borong tanpa memiliki lesen.

Pasangan itu didakwa melakukan kesalahan di depan Stesen Penguatkuasa, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Laloh, Kuala Krai dekat sini kira-kira pukul 7 malam pada 7 Ogos 2022.

Kedua-dua OKS didakwa mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (1) akta

sama yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM1 juta atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Sementara itu, syarikat Heng Seng & Company yang dikendalikan pasangan tersebut turut didakwa atas kesalahan sama mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (2) akta sama yang membawa hukuman denda maksimum RM2 juta sekiranya disabitkan kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Wan Mohd. Fizat Wan Abdullah manakala tertuduh diwakili peguam, Dahlia Tan.

Mahkamah menetapkan ikat jamin masing-masing sebanyak RM40,000 kepada Kim Soon dan syarikatnya, manakala RM30,000 untuk Sze Yuen dengan seorang penjamin.

Selain itu, kedua-dua OKS perlu melapor diri di KPDN Petaling Jaya setiap bulan. Mahkamah menetapkan 8 Ogos depan untuk sebutan semula kes dan serahan dokumen.

Pasangan suami isteri itu membayar wang jaminan yang ditetapkan mahkamah.



**TAN Kim Soon (tengah) dan Koh Sze Yuen (kanan) didakwa atas tiga pertuduhan memiliki lebih 15,000 liter minyak diesel di Mahkamah Sesiyen Kota Bharu semalam. - UTUSAN/ROSMAZAN RESDI.**



## Dituduh simpan 15,000 liter diesel

**KOTA BHARU** – Sepasang suami isteri dan syarikat perniagaan yang dikendalikan mereka berdepan tiga pertuduhan memiliki lebih 15,000 liter minyak diesel bernilai lebih RM34,000 tanpa lesen kira-kira dua tahun lalu di Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Tan Kim Soon, 35, dan isterinya, Koh Sze Yuen, 34, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Zulkifli Abillah.

Mereka yang merupakan Pengarah Syarikat Heng Seng & Company Sdn. Bhd. didakwa memiliki 15,979 liter diesel dalam keadaan menimbulkan syak munasabah.

Perbuatan itu melanggar Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu berurusan dengan minyak diesel secara runcit atau borong tanpa memiliki lesen.

Suami isteri itu didakwa melakukan kesalahan itu di depan Stesen Penguat Kuasa, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Laloh, Kuala Krai kira-kira pukul 7

malam pada 7 Ogos 2022.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (1) Akta sama yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM1 juta atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Syarikat tersebut pula didakwa atas kesalahan sama dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (2) Akta sama yang membawa hukuman denda maksimum RM2 juta.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Wan Mohd. Izzat Wan Abdullah, manakala tertuduh diwakili peguam Dahlia Tan.

Mahkamah menetapkan ikat jamin RM40,000 kepada Kim Soon dan syarikatnya, manakala RM30,000 untuk Sze Yuen dengan seorang penjamin.

Mereka diarah melapor diri di KPDN Petaling Jaya setiap bulan.



**KIM SOON** (belakang) dan isterinya, **Sze Yuen** (kanan) ketika hadir ke Mahkamah Sesyen Kota Bharu semalam.

**Alor Setar:** Pasangan kekasih dikesan bergiat aktif menjual topi keledar tiruan jenama Arai secara dalam talian selain menggunakan media sosial Tik Tok dan Facebook (FB) untuk menarik pelanggan.

Kegiatan pasangan berusia 30-an itu, bagaimanapun dikesan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah yang menyedut kediaman di Taman Seri Bandar 5, di sini, kelmarin.

Pengarah KPDN Kedah, Muhammad Nizam Jamaludin berkata, serbuan dilakukan hasil aduan dan hasil risikan sejak Februari lalu di sekitar daerah ini.

Katanya, serbuan melibatkan 10 pegawai pe-

## Pasangan kekasih jual topi keledar tiruan kena cekup

nguat kuasa KPDN Alor Setar dan wakil pemilik cap dagangan produk tulen.

"Pemeriksaan dalam rumah itu menemui 95 topi keledar, 133 beg sarung topi keledar dan barangan lain dengan label jenama yang disahkan tiruan.

"Semua barangan terbahagi disita dan pasangan itu ditahan," katanya.

Katanya, tindakan diambil mengikut Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2009 kerana mempunyai dalam milikan bagi maksud perdagangan atau pengilangan barang dipa-

kaikan cap dagangan dengan salah.

"Jika disabitkan kesalahan, mereka boleh didenda tidak melebihi RM50,000 bagi setiap barang dipakailah dengan salah cap dagangan berdaftar atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

"Orang ramai boleh menyalurkan maklumat kepada KPDN mengenai kegiatan mencurigakan melalui talian bebas tol 1800-886-800 atau portal e-aduan 2.0 <http://e-aduan.kpdn.gov.my>," katanya.



TOPI keledar yang menggunakan jenama tiruan ditemui di sebuah rumah di bandar raya Alor Setar.



**PELAKSANAAN PENYASARAN SUBSIDI DIESEL**

# Seleweng diesel turun, kes RON95 pula naik

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi  
mhafis@mediaprima.com.my

Putrajaya

**P**elaksanaan penyasaran subsidi diesel menunjukkan penurunan rampasan bahan api itu sebanyak 87 peratus apabila hanya merekodkan 14 kes di seluruh negara.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Armizan Mohd Ali berkata, KPDN terus memperhebat tindakan penguatkuasaan ke atas aktiviti penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan serta bersubsidi terutama minyak diesel serta petrol RON95 di seluruh negara selepas penyasaran subsidi diesel di Semenanjung ber-



JUMLAH kes membabitkan penyelewengan diesel menunjukkan penurunan signifikan. - Gambar hiasan

mula 10 Jun lalu.

Menurutnya, berdasarkan perbandingan bagi tempoh 20 hari sebelum dan selepas

pelaksanaan penyasaran subsidi diesel, jumlah kes membabitkan penyelewengan diesel menunjukkan penurunan signifikan.

"Bagi tempoh 20 Mei hingga 9 Jun lalu, jumlah kes direkodkan adalah 65 kes dengan rampasan diesel 520,803 liter.

"Bagi tempoh 10 Jun hingga 30 Jun lalu iaitu 20 hari selepas penyasaran

subsidi ini dilaksanakan, statistik menunjukkan penurunan drastik dengan hanya 14 kes direkodkan di seluruh negara membabitkan jumlah rampasan diesel 68,457 liter," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, perbandingan itu menunjukkan berlaku penurunan rampasan diesel 87 peratus selepas pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

"Jumlah individu ditahan bersabit kes diesel juga berkurangan dalam tempoh sama daripada 40 kepada seorang sahaja.

"Bagaimanapun, ada peningkatan bagi kes membabitkan rampasan petrol RON95 iaitu 37 kes dengan rampasan 17,064 liter bagi tempoh 20 Mei sehingga 9 Jun lalu berbanding 46 kes dengan rampasan 14,011 liter selepas pelaksanaan penyasaran subsidi diesel," katanya.

Armizan berkata, jumlah tangkapan meningkat daripada 10 kepada 17 orang dalam tempoh sama.

**"Bagi tempoh 10 Jun hingga 30 Jun lalu iaitu 20 hari selepas penyasaran subsidi ini dilaksanakan, statistik menunjukkan penurunan drastik dengan hanya 14 kes direkodkan di seluruh negara membabitkan jumlah rampasan diesel 68,457 liter"**

Armizan







TANGKI skid menyimpan 25,000 diesel bernilai RM111,750 dirampas di tapak projek kawalan hakisan pantai di Kampung Mengabang Kapal, Kuala Nerus.

## Sorok 25,000 liter diesel di tapak projek hakisan pantai

**Kuala Nerus:** Sejumlah 25,000 liter minyak diesel dan dua tangki skid bernilai RM111,750 dirampas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu, kelmarin.

Pengarahnya, Sharuddin Mohd Kia berkata, serbuan dilakukan di tapak projek kawalan hakisan pantai di Kampung Mengabang Kapal, di sini.

Menurutnya, serbuan dilakukan 16 anggota dan pegawai penguat kuasa KPDN serta polis jam 2.30 petang.

Katanya, risikan dilakukan selama seminggu sebelum serbuan dijalankan dan pemeriksaan mendapati syarikat kontraktor terbabit gagal mengemu-

Seorang lelaki warga tempatan disyaki penyelia berusia 25 tahun ditahan bagi membantu siasatan

kakan sebarang permit atau surat kebenaran daripada pengawal bekalan untuk menyimpan minyak diesel di lokasi itu.

"Dianggarkan terdapat 25,000 liter diesel dalam kedua-dua tangki skid di tapak projek itu dan seorang lelaki warga tempatan disyaki penyelia berusia 25 tahun ditahan bagi membantu siasatan," katanya.

Menurutnya, siasatan dijalankan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

# Kes seleweng petrol RON95 meningkat

Terdapat sebanyak  
46 kes membabitkan  
14,011 liter RON95

Oleh **TUAN BUQHABRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**  
**PUTRAJAYA**

**K**es melibatkan rampasan petrol RON95 yang diseleweng menunjukkan peningkatan selepas 20 hari pelaksanaan penyasaran subsidi diesel lalu sebanyak 46 kes membabitkan 14,011 liter.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, jumlah itu lebih tinggi berbanding 20 hari sebelum langkah rasionalisasi terhadap subsidi diesel dilaksanakan.

"Bagi tempoh 20 Mei hingga 9 Jun terdapat 37 kes dengan rampasan 17,064 liter," katanya menerusi kenyataan pada Khamis.

Ujar beliau, jumlah tangkapan juga menunjukkan peningkatan daripada 10 kepada 17 orang bagi tempoh sama.

"Bagi tempoh sama, jumlah kes yang melibatkan penyelewengan subsidi diesel telah menunjukkan penurunan signifikan," ujarnya.

Jelas Armizan, sebanyak 65 kes mem-

babitkan 520,803 liter rampasan diesel berjaya dilakukan pihaknya bagi tempoh 20 hari sebelum penyasaran manakala bagi tempoh 20 hari selepas, hanya 14 kes direkodkan dengan 68,457 liter dirampas.

"Perbandingan ini menunjukkan berlakunya penurunan rampasan diesel sebanyak 87 peratus selepas pelaksanaan penyasaran subsidi diesel."

"Jumlah individu yang telah ditahan bersabit kes diesel juga berkurangan dalam tempoh yang sama daripada 40 orang kepada seorang sahaja," katanya.



ARMIZAN

Tambah beliau, KPDN akan terus memperhebat tindakan penguatkuasaan ke atas aktiviti penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan serta bersubsidi terutamanya minyak diesel serta petrol RON95 di seluruh negara.

"KPDN akan terus mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan dan memantau ke atas aktiviti penyelewengan barang kawalan di bawah Ops Tiris 3.0 di se-

luruh negara dengan kerjasama rapat agensi penguatkuasaan lain bagi memastikan isu ketirisan dapat diatasi secara menyeluruh dan berkesan," jelas beliau.



## KPDN rampas 25,000 liter diesel, dua tangki skid bernilai RM110,750

**KUALA NERUS** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu merampas sejumlah 25,000 liter minyak diesel dan dua tangki skid bernilai RM110,750 dalam serbuan di Kampung Mengabang Kapal, Kuala Nerus dekat sini pada Rabu.

Pengarahnya, Saharuddin Mohd Kia berkata, serbuan oleh lapan anggota dan pegawai penguat kuasa KPDN serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada jam 2.30 petang di tapak projek kawalan hakisan pantai itu adalah hasil risikan pihaknya selama seminggu.

"Pemeriksaan lanjut yang dijalankan mendapati pihak syarikat kontraktor tersebut gagal mengemukakan sebarang permit atau surat kebenaran daripada Pegawai Bekalan untuk menyimpan minyak diesel di lokasi kejadian.

"Dianggarkan terdapat lebih kurang 25,000 liter minyak diesel di dalam kedua-dua buah skid tank yang ditempatkan di tapak projek berkenaan," katanya dalam kenyataan di sini pada Khamis.

Mengulas lanjut, Saharuddin berkata, seorang lelaki warga tempatan berusia 25 tahun itu yang disyaki sebagai penyelia di tapak projek tersebut telah ditahan bagi membantu siasatan.

Katanya, kertas siasatan telah dibuka dan kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

## Pengarah syarikat didakwa seleweng lebih 15,000 liter diesel

**KOTA BHARU** - Pasangan suami isteri yang juga pengarah sebuah syarikat mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan menyeleweng lebih 15,000 liter diesel membabitkan lebih RM34,000 dua tahun lepas.

Tan Kim Soon, 35, sebagai Pengarah 1 syarikat dan isteri, Koh Sze Yuen, 34, Pengarah 2 membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zulkifli Abllah.

Mengikut pertuduhan bersama, kedua-dua tertuduh didakwa memiliki barang kawalan berjadual iaitu 15,979 liter diesel tanpa lesen sah di hadapan stesen Jabatan Pengangkutan Jalan Laloh, Kuala Krai kira-kira jam 7 petang 7 Ogos 2022.

Kedua-dua mereka dituduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh didenda sehingga RM1 juta atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Pihak pendakwaan memohon jaminan tinggi sehingga RM100,000 atas alasan ketirisan diesel yang sedang berlaku di negara ini selain melibatkan kepentingan awam.

Mahkamah kemudian membenarkan Kim Soon diikat jamin sebanyak RM40,000 manakala Sze Yuen sebanyak RM30,000 dengan syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di Balai Polis Petaling Jaya setiap bulan.

Sementara itu, dalam mahkamah sama, Syarikat Heng Seng dan Company didakwa atas kesalahan sama mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (2) akta sama yang membawa hukuman denda maksimum RM2 juta.

Pihak pendakwaan turut memohon mahkamah mempertimbangkan denda yang berat untuk kepentingan awam dan mengambil kira kesan ke atas rakyat berikutan ketirisan diesel.

Mahkamah menetapkan jaminan sebanyak RM40,000 ke atas syarikat berkenaan dan menetapkan sebutan semula pada 8 Ogos depan untuk kesemua kes.

Pendakwaan dikendalikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Wan Mohd I'zzat Wan Abdullah manakala tertuduh diwakili peguam Dahlia Tan.



## Penjual durian kelirukan pembeli diambil tindakan

**PETALING JAYA** - Tindakan seorang peniaga didakwa tidak menjual durian seperti yang diiklankan mengundang padah apabila premis miliknya dekat sini diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor pada Rabu.

Pengarah KPDN Selangor, Mohd Zuhairi Mat Radey berkata, pihaknya sebelum itu menerima aduan orang ramai berkaitan beberapa jenis durian seperti musang king, udang merah, black thorn dan durian premium lain yang dijual di premis berkenaan.

Menurutnya, aduan diterima mengatakan peniaga itu tidak menjual durian premium sebagaimana yang diiklankannya menerusi siaran langsung dalam satu aplikasi media sosial.

"Semakan mendapati papan iklan menyatakan durian yang dijual terdiri daripada gred premium bagaimanapun hasil pemeriksaan mendapati ia tidak seperti yang diiklankan.

"Terdapat durian dari gred biasa turut dicampurkan sekali di dalam bakul jualan dan tindakan ini didapati membuatkan pengguna keliru," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Mohd Zuhairi memberitahu, tindakan kemudiannya diambil terhadap peniaga berkenaan dan siasatan dijalankan di bawah Seksyen 13 (1)(a) Akta Perlindungan Pengguna 1999 iaitu membuat iklan berbentuk umpanan dengan niat untuk tidak membekalkan barang jualan seperti mana yang diiklankan.

## 2 company directors claim trial to misappropriating diesel

**KOTA BHARU:** Two company directors pleaded not guilty at the Sessions Court here Thursday to misappropriating over 15,000 litres of diesel two years ago.

The defendants Tan Kim Soon, 35, and Koh Sze Yuen, 34, both directors of Heng Seng & Company Sdn Bhd, made the plea after the charges were read out before Judge Zulkifli Abllah.

The duo, who are husband and wife, were accused of possessing 15,979 litres of diesel, a scheduled controlled item, in violation of the Regulation 3(1) of the Control of Supplies Regulations 1974.

The couple were believed to have committed the offence in front of the Road Transport Department office in Laboh, Kuala Krai at about 7pm on Oct

7, 2022, according to Section 21 of the Control of Supplies Act 1961 which can be punished under Section 22 (1) of the same act.

If convicted, they can be fined up to RM1 million or imprisoned for not more than three years or both.

Meanwhile, Heng Seng & Company Sdn Bhd was also charged with the same offence under Section 21 of the Control of Supplies Act 1961 and can be punished under Section 22 (2) of the same act which carries a maximum fine of RM2 million.

Wan Mohd Izzat Wan Abdullah from the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) appeared for the prosecution while Dahlia Tan represented both accused.

Wan Mohd Izzat urged the

court to impose an adequate bail taking into account the diesel leakage that occurred and in public interest while Dahlia asked for a lower bail taking into consideration the company's earnings and that there was no risk the two accused would escape and they were prepared to report to the nearest KPDN.

The court allowed Kim Soon to be released on RM40,000 bail with one surety and allowed Sze Yuen to be released on RM30,000 bail with one surety, while the company was allowed bail at RM40,000. Both accused must surrender their passports and report to the Petaling Jaya KPDN every month.

The court fixed Aug 8 for case remention and document submission. — Bernama





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# BERITA ONLINE BERTARIKH 5 JULAI 2024

| TARIKH | TAJUK                                                                            | PAUTAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | MEDIA            |
|--------|----------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------|
| 5-Jul  | Selewang petrol RON95 meningkat, diesel berkurang                                | <a href="https://www.malay.news/seleweng-petrol-ron95-meningkat-diesel-berkurang/">https://www.malay.news/seleweng-petrol-ron95-meningkat-diesel-berkurang/</a>                                                                                                                                                   | MALAY NEWS       |
| 5-Jul  | Selewang petrol RON95 meningkat, diesel berkurang                                | <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/07/seleweng-petrol-ron95-meningkat-diesel-berkurang/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/07/seleweng-petrol-ron95-meningkat-diesel-berkurang/</a>                                                                                                           | UTUSAN MALAYSIA  |
| 5-Jul  | Selewang petrol RON95 meningkat, diesel berkurang                                | <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/07/04/seleweng-petrol-ron95-meningkat-diesel-berkurang/">https://www.kosmo.com.my/2024/07/04/seleweng-petrol-ron95-meningkat-diesel-berkurang/</a>                                                                                                                         | KOSMO            |
| 5-Jul  | Rampasan RON95 meningkat                                                         | <a href="https://malaysia-tribune.news/2024/07/04/rampasan-ron95-meningkat/">https://malaysia-tribune.news/2024/07/04/rampasan-ron95-meningkat/</a>                                                                                                                                                               | MALAYSIA TRIBUNE |
| 5-Jul  | Kes selewang subsidi diesel menurun, rampasan RON95 pula meningkat               | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/673245/berita/semasa/kes-rampasan-ron95-meningkat">https://www.sinarharian.com.my/article/673245/berita/semasa/kes-rampasan-ron95-meningkat</a>                                                                                                                   | SINAR HARIAN     |
| 5-Jul  | Kes selewang diesel turun, kes RON95 pula meningkat                              | <a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kes-seleweng-diesel-turun-kes-ron95-pula-meningkat/">https://www.buletintv3.my/nasional/kes-seleweng-diesel-turun-kes-ron95-pula-meningkat/</a>                                                                                                                       | BULETIN TV3      |
| 5-Jul  | Rampasan diesel menurun, kes RON95 pula naik                                     | <a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/07/1107489/rampasan-diesel-menurun-kes-ron95-pula-naik">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/07/1107489/rampasan-diesel-menurun-kes-ron95-pula-naik</a>                                                                                               | HARIAN METRO     |
| 5-Jul  | Kes rampasan diesel menurun selepas penyasaran subsidi                           | <a href="https://www.wilayahku.com.my/kes-rampasan-diesel-menurun-selepas-penyasaran-subsidi/">https://www.wilayahku.com.my/kes-rampasan-diesel-menurun-selepas-penyasaran-subsidi/</a>                                                                                                                           | WILAYAHKU        |
| 5-Jul  | Kes penyelewengan diesel menurun 87 peratus selepas penyasaran subsidi - Armizan | <a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kes-penyelewengan-diesel-menurun-87-selepas-penyasaran-subsidi-armizan">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kes-penyelewengan-diesel-menurun-87-selepas-penyasaran-subsidi-armizan</a> | BERITA RTM       |
| 5-Jul  | Cadangan naik had pembelian petrol pengusaha bot Sandakan dibawa ke Kabinet      | <a href="https://www.sabahgazette.com/cadangan-naik-had-pembelian-petrol-pengusaha-bot-sandakan-dibawa-ke-kabinet/">https://www.sabahgazette.com/cadangan-naik-had-pembelian-petrol-pengusaha-bot-sandakan-dibawa-ke-kabinet/</a>                                                                                 | SABAH GAZETTE    |



|       |                                                                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                  |
|-------|-------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------|
| 5-Jul | Sorok 25,000 liter diesel di tapak projek hakisan pantai                                        | <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/07/04/kpdn-rampas-25000-liter-diesel-disorok-di-tapak-projek-hakisan-pantai/">https://www.kosmo.com.my/2024/07/04/kpdn-rampas-25000-liter-diesel-disorok-di-tapak-projek-hakisan-pantai/</a>                                                     | KOSMO            |
| 5-Jul | Terengganu KPDN seizes 25,000 litres of misappropriated diesel                                  | <a href="https://thesun.my/local-news/terengganu-kpdn-seizes-25000-litres-of-misappropriated-diesel-OD12667108">https://thesun.my/local-news/terengganu-kpdn-seizes-25000-litres-of-misappropriated-diesel-OD12667108</a>                                                               | THE SUN          |
| 5-Jul | KPDN Terengganu rampas minyak diesel, dua tangki skid                                           | <a href="https://malaysiagazette.com/2024/07/04/kpdn-terengganu-rampas-minyak-diesel-dua-tangki-skid/">https://malaysiagazette.com/2024/07/04/kpdn-terengganu-rampas-minyak-diesel-dua-tangki-skid/</a>                                                                                 | MALAYSIA GAZETTE |
| 5-Jul | KPDN Terengganu rampas minyak diesel, dua tangki skid                                           | <a href="https://www.malay.news/kpdn-terengganu-rampas-minyak-diesel-dua-tangki-skid/">https://www.malay.news/kpdn-terengganu-rampas-minyak-diesel-dua-tangki-skid/</a>                                                                                                                 | MALAY NEWS       |
| 5-Jul | KPDN RAMPAS DIESEL, DUA TANGKI SKID BERNILAI LEBIH RM100,000                                    | <a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2314092">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2314092</a>                                                                                                                                           | BERNAMA          |
| 5-Jul | Risik seminggu sebelum rampas diesel, tangki skid bernilai lebih RM100,000                      | <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1107510/risik-seminggu-sebelum-rampas-diesel-tangki-skid-bernilai-lebih-rm100000">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1107510/risik-seminggu-sebelum-rampas-diesel-tangki-skid-bernilai-lebih-rm100000</a>                   | HARIAN METRO     |
| 5-Jul | Tapak projek kawalan hakisan pantai simpan diesel tanpa permit diserbu                          | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/673246/berita/semasa/tapak-projek-kawalan-hakisan-pantai-simpan-diesel-tanpa-permit-diserbu">https://www.sinarharian.com.my/article/673246/berita/semasa/tapak-projek-kawalan-hakisan-pantai-simpan-diesel-tanpa-permit-diserbu</a>     | SINAR HARIAN     |
| 5-Jul | Kontraktor projek kawalan hakisan pantai simpan diesel bernilai lebih RM100,000 tanpa kebenaran | <a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/kpdn-rampas-diesel-dua-tangki-skid-bernilai-lebih-rm100000/">https://www.buletintv3.my/jenayah/kpdn-rampas-diesel-dua-tangki-skid-bernilai-lebih-rm100000/</a>                                                                               | BULETIN TV3      |
| 5-Jul | KPDN rampas diesel, dua tangki skid bernilai lebih RM100,000                                    | <a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-rampas-diesel-dua-tangki-skid-bernilai-lebih-rm100-000">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-rampas-diesel-dua-tangki-skid-bernilai-lebih-rm100-000</a> | BERITA RTM       |
| 5-Jul | Pengarah syarikat mengaku tidak bersalah seleweng diesel                                        | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/673282/berita/semasa/pengarah-syarikat-mengaku-tidak-bersalah-seleweng-diesel">https://www.sinarharian.com.my/article/673282/berita/semasa/pengarah-syarikat-mengaku-tidak-bersalah-seleweng-diesel</a>                                 | SINAR HARIAN     |
| 5-Jul | Dua didenda RM50,000 miliki 43,069 liter diesel tanpa lesen                                     | <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1107623/dua-didenda-rm50000-miliki-43069-liter-diesel-tanpa-lesen">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1107623/dua-didenda-rm50000-miliki-43069-liter-diesel-tanpa-lesen</a>                                                 | HARIAN METRO     |

|       |                                                                                                                                                                                                                       |                                                                                                                                                                                                                                                                                 |                  |
|-------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------|
| 5-Jul | 2 pengarah syarikat mengaku tidak bersalah seleweng lebih 15,000 liter minyak diesel                                                                                                                                  | <a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/2-pengarah-syarikat-mengaku-tidak-bersalah-seleweng-lebih-15000-liter-minyak-diesel/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/2-pengarah-syarikat-mengaku-tidak-bersalah-seleweng-lebih-15000-liter-minyak-diesel/</a>                   | BULETIN TV3      |
| 5-Jul | Dua pengarah syarikat mengaku tidak bersalah seleweng lebih 15,000 liter diesel                                                                                                                                       | <a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-pengarah-syarikat-mengaku-tidak-bersalah-seleweng-lebih-15000-liter-diesel-477559">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-pengarah-syarikat-mengaku-tidak-bersalah-seleweng-lebih-15000-liter-diesel-477559</a> | ASTRO AWANI      |
| 5-Jul | <a href="https://malaysiagazette.com/2024/07/04/kpdn-periksa-peniaga-durian-umpan-pelanggan-di-media-sosial/">https://malaysiagazette.com/2024/07/04/kpdn-periksa-peniaga-durian-umpan-pelanggan-di-media-sosial/</a> | <a href="https://malaysiagazette.com/2024/07/04/kpdn-periksa-peniaga-durian-umpan-pelanggan-di-media-sosial/">https://malaysiagazette.com/2024/07/04/kpdn-periksa-peniaga-durian-umpan-pelanggan-di-media-sosial/</a>                                                           | MALAYSIA GAZETTE |
| 5-Jul | Iklan durian premium tapi jual gred biasa                                                                                                                                                                             | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/673346/berita/semasa/iklan-durian-premium-tapi-jual-gred-biasa">https://www.sinarharian.com.my/article/673346/berita/semasa/iklan-durian-premium-tapi-jual-gred-biasa</a>                                                       | SINAR HARIAN     |
| 5-Jul | Padah umpan pelanggan guna iklan durian premium                                                                                                                                                                       | <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/07/04/padah-buat-umpanan-iklan-durian-premium/#google_vignette">https://www.kosmo.com.my/2024/07/04/padah-buat-umpanan-iklan-durian-premium/#google_vignette</a>                                                                         | KOSMO            |
| 5-Jul | Peniaga iklan jual durian premium walhal gred biasa                                                                                                                                                                   | <a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/07/peniaga-iklan-jual-durian-premium-walhal-gred-biasa/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/07/peniaga-iklan-jual-durian-premium-walhal-gred-biasa/</a>                                                                       | UTUSAN MALAYSIA  |
| 5-Jul | 'Itu bukan durian jenis premium'...                                                                                                                                                                                   | <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1107664/itu-bukan-durian-jenis-premium">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1107664/itu-bukan-durian-jenis-premium</a>                                                                                               | HARIAN METRO     |
| 5-Jul | Padah miliki 43,069 liter diesel tanpa lesen                                                                                                                                                                          | <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/07/04/dua-didenda-rm50000-miliki-43069-liter-diesel-tanpa-lesen/">https://www.kosmo.com.my/2024/07/04/dua-didenda-rm50000-miliki-43069-liter-diesel-tanpa-lesen/</a>                                                                     | KOSMO            |
| 5-Jul | Dua individu didenda RM50,000 miliki diesel tanpa lesen                                                                                                                                                               | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/673327/berita/semasa/dua-individu-didenda-rm50000-miliki-diesel-tanpa-lesen">https://www.sinarharian.com.my/article/673327/berita/semasa/dua-individu-didenda-rm50000-miliki-diesel-tanpa-lesen</a>                             | SINAR HARIAN     |
| 5-Jul | Suami isteri didakwa simpan lebih 15,000 liter diesel tanpa lesen                                                                                                                                                     | <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/07/04/suami-isteri-didakwa-simpan-lebih-15000-liter-diesel-tanpa-lesen/">https://www.kosmo.com.my/2024/07/04/suami-isteri-didakwa-simpan-lebih-15000-liter-diesel-tanpa-lesen/</a>                                                       | KOSMO            |